

Rasional haram iklan makanan segera

Sekatan di televisyen untuk elak jadi gaya hidup mudaratkan rakyat pada masa depan

Laporan Khas

Oleh Jami'ah Shukri, Hasliza Hassan dan Azrina Ahzan

DEFINISI makanan segera sebenarnya masih kabur, malah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sendiri tidak mempunyai definisi tepat mengenainya menyebabkan ia terpaksa diubahsuai mengikut keperluan negara masing-masing. Itulah penjelasan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Chua Soi Lek ketika diminta mengulas mengenai definisi makanan segera yang dianggap masih kabur oleh pelbagai pihak.

Ramai yang menganggap makanan segera adalah makanan dingin beku seperti karipap, pizza, roti canai, kek yang mudah diperolehi di pusat beli-belah atau burger dan kentang goreng.

perlu dilakukan secara berperingkat memandangkan latar belakang negara ini yang kaya dengan pelbagai jenis makanan, berikutan kepelbagaian masyarakatnya dengan tiga bangsa utama iaitu Melayu, Cina dan India.

Keadaan ini, kata beliau menyebabkan kementerianya masih meneruskan 'Kempen Gaya Hidup Sihat' walaupun menyedari kesannya dalam menggalakkan rakyat mengamalkan gaya hidup sihat adalah terhad.

"Kerajaan tidak boleh berputus asa dalam melakukan sesuatu hanya kerana program atau kempen yang dijalankan tidak memberi kesan seperti dimahukan. Sebab itulah tindakan mengharamkan iklan makanan segera di televisyen dilaksanakan, untuk mengelakkan ia menjadi gaya hidup yang boleh mudaratkan rakyat pada masa akan datang," katanya.

FAKTA

Purata Saranan Pengambilan Nutrien Harian

| | KALORI | KARBOHIDRAT | PROTEIN | LEMAK |
|-----------------------------|--------|-------------|---------|-------|
| Kanak-kanak (1-3 tahun) | 945 | 130g | 17g | 26g |
| Kanak-kanak (4-9 tahun) | 1,500 | 206g | 28g | 42g |
| Remaja (10-18 tahun) | 2,350 | 323g | 56g | 65g |
| Dewasa (19 hingga 65 tahun) | 2,130 | 293g | 57g | 59g |



belah atau burger dan kentang goreng yang banyak dijual di restoran makanan segera di seluruh negara.

Tetapi, persoalan masih timbul sama ada nasi lemak dan nasi goreng selain pelbagai masakan daripada laksa, mi dan bihun seperti mi goreng, mi bandung, mi kari dan mi jawa itu yang menjadi hidangan popular rakyat Malaysia turut dikategorikan makanan segera.

Dalam satu pertemuan dengan *Berita Harian*, Dr Chua berkata, mengikut persepsi Malaysia, makanan segera ialah makanan yang dihasilkan dalam kuantiti yang banyak menggunakan kaedah sama dan dijual di restoran dan syarikat yang memilikinya mengiklankan produk terbabit secara meluas di media cetak dan elektronik.

Berdasarkan alasan itulah, katanya, tindakan mengharamkan iklan makanan segera di televisyen lebih tertumpu kepada produk yang dikeluarkan oleh restoran makanan segera seperti McDonalds, Kentucky Fried Chicken (KFC), Pizza Hut, Burger King dan A&W.

"Kementerian mengakui ada pihak yang mempertikaikan tindakan kita yang menasaskan syarikat makanan segera dari luar negara dan bukannya tempatan yang mengeluarkan makanan segera seperti karipap, roti canai dan nasi briyani, tetapi mereka harus faham produk itu tidak diiklankan secara meluas di media cetak dan elektronik.

"Kita berpegang kepada definisi makanan segera iaitu dipromosikan secara meluas di media cetak dan elektronik, tetapi tidak menolak kemungkinan langkah sama akan diambil terhadap produk tempatan, tetapi bukan pada masa terdekat ini," katanya.

Beliau berkata, langkah mendidik rakyat mengenai makanan segera ini

Justeru, Kementerian bersejutu dengan hasrat syarikat makanan segera untuk mengamalkan pemantauan terhadap produk keluaran mereka dan bersedia bekerjasama dengan syarikat itu dalam melaksanakan program pendidikan kepada rakyat di negara ini.

Dengan ini, beliau berkata, harapan kerajaan untuk melihat tabiat mengambil makanan berkhasiat di kalangan rakyat lebih mudah dicapai, walaupun tempoh yang bakal diambil untuk menyaksikan keberkesanannya adalah panjang.

Namun, apabila Kementerian Kesihatan memutuskan untuk mengharamkan iklan makanan segera di televisyen dalam setiap segmen program yang ditonton kanak-kanak berusia bawah 12 tahun, ramai pihak melenting atas anggapan tindakan itu tidak mampu mengatasi masalah obesiti di kalangan kanak-kanak.

Dr Chua berkata, kerajaan sedar keputusan itu tidak mampu membendung masalah obesiti di kalangan kanak-kanak, tetapi ia adalah antara cara terbaik untuk mengelakkan tabiat mengambil makanan segera bertukar menjadi gaya hidup rakyat di negara ini.

Beliau berkata, kajian mendapati pengambilan makanan segera ketika ini lebih bertumpu di kawasan bandar dan belia kurang daripada 35 tahun atas alasan ia ada kelas berbanding makan di warung atau gerai tepi jalan.

Amalan pemakanan ini, katanya, jika sudah bertukar menjadi tabiat boleh menyebabkan individu yang berpengetahuan mengenai makanan berkhasiat mengetepikan segala pengetahuan itu kerana menganggap makanan sedap lebih penting daripada kandungannya.

Dr Chua berkata, keputusan itu dibuat selepas mengambil kira jum-

lah rakyat yang menghidap penyakit tidak berjangkit semakin meningkat sejak kebelakangan ini bukan saja berpunca daripada pemakanan tidak sihat, malah kerana sikap tidak suka bersenam.

"Kedua-dua sikap suka mengambil makanan segera dan tidak bersenam menyebabkan masalah obesiti berlaku di kalangan rakyat kerana mereka terdedah dengan iklan secara agresif oleh syarikat makanan segera di media cetak dan elektronik.

"Iklan ini yang menggunakan unsur pujukan memang mudah menarik perhatian khususnya kanak-kanak kerana ia turut menyediakan hadiah jika mereka membeli pakej khas untuk golongan itu. Lebih-lebih lagi jika iklan itu sering disiarkan atau diselitkan antara program untuk kanak-kanak terutama pada hujung minggu," katanya.

“Kita berpegang kepada definisi makanan segera iaitu dipromosikan secara meluas di media cetak dan elektronik, tetapi tidak menolak kemungkinan langkah sama diambil terhadap produk tempatan”

Dr Chua Soi Lek
Menteri Kesihatan



Katanya, atas alasan itulah kementerian memutuskan untuk menetapkan supaya pengharaman iklan di televisyen dilaksanakan, tetapi tindakan sama tidak diambil terhadap iklan di media cetak.

Beliau berkata, iklan di televisyen lebih mudah mempengaruhi kanak-kanak berbanding iklan di media cetak kerana apabila mereka sudah boleh membaca, kanak-kanak itu sudah meningkat usianya dan bertukar menjadi dewasa.

Menjelas lanjut, katanya, apabila dewasa pilihan untuk memilih makanan adalah tanggungjawab mereka dan individu itu perlu bersedia menanggung risiko atas keputusannya memilih makanan segera itu.

Bagaimanapun, Dr Chua berkata, kerajaan akan terus memberi panduan kepada golongan dewasa khususnya ibu bapa dengan meningkat-

kan kefahaman mereka mengenai khasiat dan kandungan makanan.

Justeru, katanya, keputusan kementerian untuk mewajibkan semua syarikat makanan segera memamerkan khasiat dan kandungan kalori di restoran masing-masing adalah satu daripada usaha kerajaan untuk mendidik rakyat mengenai makanan.

Dalam mesyuarat yang diadakan baru-baru ini, pada dasarnya syarikat makanan segera yang hadir iaitu McDonalds, Kentucky Fried Chicken, A & W, Pizza Hut dan Burger King bersejutu dengan cadangan kementerian supaya mereka memamerkan khasiat dan kalori makanan pada restoran masing-masing.

Namun, syarikat terbabit akan diberi tempoh selama sebulan, selewat-lwatnya Mei ini untuk melaksanakan peraturan baru itu, manakala langkah pengharaman iklan televisyen bagi program kanak-kanak hanya akan ditentukan selepas mendapat kelulusan Kabinet.

Mengulas lanjut mengenai pengharaman iklan di televisyen, Dr Chua berkata, langkah itu bukanlah perkara baru memandangkan ia sudah dilaksanakan di negara lain antaranya di Sweden, Austria, Jerman, Belgium, Denmark, Itali dan Greece.

"Keputusan Kerajaan Malaysia turut mendapat perhatian daripada negara lain seperti Singapura, kerana mereka turut berhadapan dengan masalah sama di negara mereka."

"Malah, saya turut difahamkan bahawa ada negara lain turut mengharamkan pengecualian cukai kepada syarikat yang didapati mengiklankan produk makanan termasuk makanan segera kepada kanak-kanak.

"Jadi, saya rasa syarikat makanan segera tidak ada alasan untuk menolak arahan kerajaan ini," katanya.